

17 OCT 1998

Mahathir-Anwar

ANWAR DIBERI LAYANAN ISTIMEWA DALAM PENJARA, KATA MAHATHIR

Oleh: Azman Ujang

TOKYO, 17 Okt (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim diberikan layanan istimewa semasa dalam tahanan reman di penjara sementara menunggu perbicaraannya bulan depan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata walaupun undang-undang menetapkan setiap orang diberi layanan serupa tanpa mengira kedudukan mereka semasa dalam penjara, "saya difahamkan bahawa beliau dilayani seperti VIP".

"Beliau diberi makanan istimewa, kamarnya berbeza daripada banduan biasa.

"Biasanya mereka menempatkan sekumpulan banduan dalam satu sel, saya diberitahu beliau diberikan satu bilik khas untuk dirinya, beliau diberikan tilam, beliau diberikan layanan amat istimewa," kata Dr Mahathir dalam satu temuramah dengan lapan pertubuhan media Jepun di sini.

Dr Mahathir yang kini dalam lawatan lima hari ke Jepun, ditanya mengenai kebimbangan yang dinyatakan oleh Presiden Indonesia B.J. Habibie dan Presiden Filipina Joseph Estrada serta pertubuhan-pertubuhan hak asasi manusia mengenai layanan yang diberikan kepada Anwar sejak penahanannya pada 20 Sept.

Anwar yang dipecat pada 2 Sept dan kemudian ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) ekoran beberapa demonstrasi yang diadakan para penyokongnya telah dibebaskan daripada tahanan ISA tetapi masih ditahan reman di Penjara Sungai Buloh dekat Kuala Lumpur sementara menunggu perbicaraannya yang ditetapkan mulai 2 Nov terhadap empat tuduhan rasuah.

Sepanjang temuramah selama satu jam itu, Dr Mahathir ditanya banyak kali mengenai layanan polis terhadap Anwar berikutan kehadiran di mahkamah dengan kesan lebam di muka dan mata kirinya dan laporan bahawa kemungkinan dua pemimpin Asean itu tidak akan menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Kuala Lumpur sebagai tanda simpati terhadap Anwar.

Katanya jika Presiden Habibie dan Estrada membuat keputusan tidak menghadiri sidang kemuncak APEC, mereka akan kerugian kerana ia akan membincangkan beberapa perkara penting mengenai ekonomi memandangkan krisis ekonomi yang dihadapi rantau itu.

Tetapi secara berjenaka Dr Mahathir berkata sebagai seorang yang pernah memulaukan sidang kemuncak APEC di Seattle pada 1993, beliau memahami perasaan Habibie dan Estrada.

"Saya tidak berapa mengenali Presiden Estrada tetapi saya kenal dengan Habibie. Memang benar beliau lebih mengenali Anwar daripada saya, sudah semestinya beliau bersimpati dengan bekas timbalan perdana menteri itu tetapi APEC adalah mengenai perkara-perkara ekonomi dan bukannya politik."

Katanya adalah sesuatu yang "malang" jika APEC dijadikan forum politik kerana jika ini berlaku, akan timbul banyak pertentangan dalam forum itu.

Mengenai cadangan Presiden Estrada supaya Anwar dikenakan tahanan kediaman dan bukannya dilayani seperti penjenayah biasa, Perdana Menteri berkata: "Beliau diberi layanan yang amat istimewa. Saya rasa Estrada boleh pergi melihatnya sama ada layanan yang diberikan betul atau tidak."

Ditanya mengenai perasaan terkejut Jepun dan negara-negara lain tentang layanan polis terhadap seorang bekas timbalan perdana menteri itu, Dr Mahathir berkata beliau sendiri turut terkejut kerana adalah luar biasa bagi polis untuk mencederakan seseorang sehinggakan seluruh dunia akan mengetahuinya kerana tanggapan terhadap polis akan menjadi buruk.

Beliau menarik perhatian tiada apa yang akan disembunyikan dalam siasatan yang dilakukan mengenai dakwaan kekasaran polis terhadap Anwar, dan menjelaskan bahawa ada tuduhan beliau sendiri menumbuk Anwar ataupun telah mengarahkan polis berbuat demikian.

"Tuduhan ini adalah gila...perkara ini berlaku dalam tahanan polis oleh itu kita harus menyiasat siapa yang melakukannya dan akan mengambil langkah yang perlu terhadap mereka yang terbabit."

Dr Mahathir berkata laporan mengenai siasatan Anwar dipukul itu akan diserahkan kepada Peguam Negara yang akan memutuskan tindakan selanjutnya.

"Bagi pihak kerajaan, ia tidak akan menyembunyikan apa-apa. Ia tidak baik bagi kerajaan," katanya.

Beliau mengingatkan media Jepun bahawa mahkamah Malaysia telah memerintahkan melarang orang ramai daripada membincangkan sama ada Anwar bersalah atau tidak dalam kes perbicaraannya dan Perdana Menteri berkata beliau terikat dengan arahan itu.

Beralih kepada sidang kemuncak APEC, Dr Mahathir berkata beliau diberitahu pihak berkuasa Amerika bahawa Presiden Bill Clinton akan menghadirinya begitu juga dengan Presiden Rusia Boris Yeltsin.

Ditanya sama ada beliau akan mengadakan pertemuan empat mata dengan Clinton, Dr Mahathir berkata sebagai tuan rumah sidang kemuncak itu, beliau tidak akan mengadakan perjumpaan berasingan dengan ketua-ketua kerajaan.

"Mesyuarat APEC adalah perjumpaan ketua-ketua kerajaan dan bukannya pertemuan seorang ketua dengan yang lain," katanya.

-- BERNAMA

AU RON